POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pauh Putra
02600 Arau
PERLIS, MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
TUANKU SYED SIRAJUDDIN
Tel : 04-9886200
Faks : 04-9886300
Laman Web :www.ptss.edu.my
Facebook:politeknik.edu

Ruj.Kami : PTSS/HEP/01/06/201 Jld.5( )
Tarikh : 12 November 2014

SEMUA PELAJAR SENIOR (Semester 2, 3, 4 (selain pelajar LI), 5, 6 & lanjut semester)

Tuan,

TARIKH MELAPOR DIRI DAN PENDAFTARAN ASRAMA PELAJAR SENIOR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN SESI DISEMBER 2014

Saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa tarikh mendaftar di asrama dan melapor diri pelajar lama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin bagi Sesi Disember 2014 ialah seperti berikut:

27/11/2014 (Khamis)	**PENDAFTARAN ASRAMA** **Masa : 8.00 hingga 11.00 pagi** **Tempat : Blok Asrama** **Peringatan: tawaran asrama boleh ditarik balik sekiranya pelajar gagal mendaftar asrama pada tarikh dan masa ditetapkan. Tempat anda akan diberi kepada pelajar yang sedang membuat rayuan asrama**
28/11/2014 (Jumaat)	**LAPOR DIRI PELAJAR** **Masa : 8.00 hingga 11.00 pagi** **Tempat : Jabatan Akademik** **PENDAFTARAN MODUL** **Pelajar dikehendaki mendaftar modul secara on line (iDAFTAR) dan menyerahkan slip pendaftaran modul kepada Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk pengesahan.**
Pakaian Semasa Lapor Diri	**Pakaian Formal** **Lelaki – Baju kemeja, bertali leher, berseluar slack dan kasut bertutup.** **Perempuan – Baju kurung atau blouse labuh, bertudung (muslim) dan kasut bertutup.**

MAKLUMAN:

a. Semua pelajar senior **DIKEHENDAKI** lapor diri dan mendaftar modul secara online di ***spmp.ptss.edu.my*** dalam menu **iDAFTAR** (kecuali pelajar lanjut semester bagi jabatan JPH, JPG, JTMK dan JKE - lapor diri adalah di Jabatan masing-masing).

b. Lapor diri secara Online akan dibuka bermula 25/11/2014 (Selasa) hingga 28/11/2014 (Jumaat).

c. Segala pembayaran yuran hendaklah diselesaikan **SEBELUM** hadir ke PTSS.

d. Sila rujuk lampiran yg disertakan bersama surat ini untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan:
   i. Jumlah Yuran Pengajian dan Bayaran Pelbagai.
   ii. Panduan dan kaedah membuat bayaran di **BIMB.**

e. Pelajar yang tidak ditawarkan penginapan Asrama dinasihatkan untuk menguruskan sendiri penginapan rumah sewa mereka lebih awal. Pihak politeknik **TIDAK MENYEDIAKAN** rumah sewa di luar kampus dan **TIADA RAYUAN ASRAMA** pada hari pendaftaran**.**

f. Pelajar yang tidak dapat hadir lapor diri pada tarikh yang ditetapkan perlu mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Ketua Jabatan Akademik masing-masing dalam tempoh **TUJUH (7) HARI SEBELUM** tarikh lapor diri yang ditetapkan. Pelajar yang gagal hadir lapor diri pada tarikh yang ditetapkan **TANPA** sebarang alasan boleh diambil tindakan oleh pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Semoga semua pelajar selamat melapor diri semula untuk Pengajian Sesi Disember 2014, Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD RUSLAN BIN SALIKIN)
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
b.p Pengarah,
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

s.k Pengarah PTSS
Pegawai Eksekutif Tertinggi
TP (Akademik)
Ketua Waden
TP(Sokongan Akademik)
UPLI,
Semua Ketua Jabatan
Pengurus Asrama
PRO
Unit Multimedia

LAMPIRAN 1

STRUKTUR BAYARAN YURAN PELAJAR SENIOR SESI DISEMBER 2014

Yuran Pengajian	RM 200
Yuran Asrama (Jika ditawarkan)	RM 60

Yuran Pelbagai Pelajar Senior (Pelajar Asrama)	Bayaran (RM)							
	SEM 2	SEM 3	SEM 4*	SEM 5	SEM 6*	SEM 7	SEM 8	SEM 9
JUMLAH (RM)	100	100	100	115	100	65	30	65

*Selain pelajar LI

Yuran Pelbagai Pelajar Senior (Bukan Pelajar Asrama)	Bayaran (RM)							
	SEM 2	SEM 3	SEM 4*	SEM 5	SEM 6*	SEM 7	SEM 8	SEM 9
JUMLAH (RM)	90	90	90	105	90	55	20	55

*Selain pelajar LI

Nota:

i. Bagi bayaran Yuran Pengajian dan Asrama, nombor akaun tidak diperlukan.

ii. Bayaran Yuran pelbagai perlu dibayar mengikut butiran berikut:

Nama akaun : Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Berhad

No akaun : 090100 100431 55

iii. Pembayaran Yuran Pengajian & Asrama hendaklah dilakukan melalui 3 kaedah sama ada meggunakan Mesin Cash Deposit (CDM), Mesin ATM, atau Secara Online.

iv. Pembayaran Yuran Pelbagai hendaklah dilakukan di Kaunter BIMB (Caj perkhidmatan dikenakan)

LAMPIRAN 2

PANDUAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

A. PERBANKAN INTERNET (Memiliki akaun di Bank Islam)

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo “Internet Banking Login” dan tekan butang “ok” pada “Security Alerts”
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih “Bill Presentment” pada bahagian “Bill Payment”.
5. Pilih POLITEKNIK KPT pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik “next”
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik “pay”
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih “source account” yang hendak di debitkan dan sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik “pay”
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan..
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

B. MESIN ATM BANK ISLAM (Memiliki akaun di Bank Islam)

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3 Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit)
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

C. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3 Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit